



HUBUNGAN ANTARA STRATEGI PEMBELAJARAN DAN HASIL PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH AGAMA DI MALAYSIA

[THE RELATIONSHIP BETWEEN LEARNING STRATEGIES AND LEARNING OUTCOMES OF ARABIC LANGUAGE AMONG RELIGIOUS SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN MALAYSIA]

Nurwaina Rasit¹ & Zawawi Ismail^{2*}

¹ Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu, Jalan Tun Fatimah, 75400 Durian Daun, Melaka, Malaysia

² Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

* Corresponding Author: zawawiismail@um.edu.my

Received: 11/7/2024

Accepted: 29/7/2024

Published: 31/8/2024

Abstrak

Strategi pembelajaran merupakan teknik atau langkah yang diambil oleh murid untuk membantu mereka dalam memudahkan pemerolehan dan penguasaan sesuatu bahasa. Dalam konteks pembelajaran bahasa, ia melibatkan pemikiran dan tingkah laku yang sedar yang digunakan oleh murid untuk melancarkan sesuatu proses pembelajaran bahasa. Kajian lepas membuktikan bahawa strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan murid berada pada tahap yang sederhana dan ianya dapat mempengaruhi hasil pembelajaran murid. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara strategi pembelajaran dan hasil pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah menengah agama di Malaysia. Untuk tujuan ini, satu set soal selidik jenis skala Likert telah diedarkan kepada 500 pelajar tingkatan empat yang dipilih secara teknik pensampelan rawak dari 20 sekolah menengah agama mengikut zon-zon di Malaysia. Kajian kuantitatif ini menggunakan analisis data secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap strategi pembelajaran murid secara keseluruhannya adalah pada nilai min 3.64 (SP = 0.39) yang berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran dengan hasil pembelajaran bahasa Arab murid ($r=0.668$, $p>.05$) pada aras signifikan 0.01. Dapatan hubungan ini menunjukkan bahawa strategi pembelajaran yang

diamalkan oleh pelajar dapat mempengaruhi hasil pembelajaran bahasa Arab mereka di sekolah.

Kata kunci: strategi pembelajaran, hasil pembelajaran, bahasa Arab, sekolah menengah agama, pembelajaran bahasa

Abstract

Learning strategies are techniques or steps taken by students to help them facilitate the acquisition and mastery of a language. In the context of language learning, it involves conscious thinking and behavior used by students to launch a language learning process. The previous study prove that the Arabic language learning strategy among students is at a moderate level and it can affect the student's learning outcomes. This study examines the relationship between learning strategies and Arabic learning outcomes among religious secondary school students in Malaysia. For this purpose, a set of Likert scale-type questionnaires was distributed to 500 form four students who were selected using a random sampling technique from 20 religious secondary schools according to the zones in Malaysia. This quantitative study uses descriptive and inferential data analysis. The findings of the study show that the level of students' learning strategies as a whole is at a mean value of 3.64 (SD = 0.39) which is at a moderately high level. The findings of the study also show that there is a significant relationship between learning strategies and students' Arabic learning outcomes ($r=0.668$, $p>.05$) at a significant level of 0.01. The findings of this relationship show that the learning strategies practiced by students can affect the results of their Arabic learning at school.

Keywords: learning strategies, learning outcomes, Arabic language, religious secondary schools, language learning

Cite as: Rasit, N., & Ismail, Z. (2024). Hubungan antara strategi pembelajaran dan hasil pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah menengah agama di Malaysia [The relationship between learning strategies and learning outcomes of Arabic language among religious secondary school students in Malaysia]. *Afaq Lughawiyah*, 2(2), 352–364. <https://doi.org/10.37231/afaq.2024.2.2.121>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Sejak awal tahun 1970-an, strategi pembelajaran dan perbezaan individu pelajar menjadi fokus utama dalam bidang penyelidikan pembelajaran bahasa asing (Rubin, 1987). Pemilihan strategi pembelajaran yang sesuai sering kali didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan bahasa seseorang individu (Green & Oxford, 1995; Griffiths, 2003). Ia juga menjadi salah satu faktor yang membezakan kecemerlangan antara dua pelajar yang mempunyai tahap atau prestasi akademik yang sama dan diajar oleh guru yang sama. Justeru, kajian yang memberi tumpuan terhadap strategi pembelajaran bahasa khususnya bahasa Arab dapat memperbaiki prestasi penguasaan bahasa Arab yang dikatakan masih menjadi dilema dalam kalangan pelajar (Nik Yusoff, 1999; Abdul Ghani, 2005).

Dalam konteks kajian ini, strategi pembelajaran adalah merujuk kepada kaedah atau teknik belajar yang diamalkan oleh seseorang pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Terdapat beberapa kategori strategi pembelajaran yang dikemukakan dalam bidang pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing (Oxford, 1990). Perbezaan cara pengkelasan ini dibuat ditentukan oleh beberapa faktor seperti cara pengumpulan data, kaedah analisis data dan pendekatan yang diambil oleh setiap sarjana. Strategi pembelajaran dilihat sebagai teknik yang digunakan dalam pembelajaran bahasa untuk menyelesaikan masalah, membuat persediaan menghadapi peperiksaan atau menyelesaikan sesuatu tugas (Wang, 2015). Manakala hasil pembelajaran merujuk kepada satu set pengetahuan, kemahiran dan kecekapan seseorang yang dapat ditunjukkan selepas selesai sesuatu proses pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal. Ramsden (2003) menjelaskan definisi hasil pembelajaran sebagai pernyataan yang khusus dan jelas tentang jangkaan apa yang akan dipelajari oleh pelajar dan mampu dicapai oleh mereka di akhir sesuatu pembelajaran samada dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini pengkaji ingin mengkaji hubungan antara antara strategi pembelajaran dan hasil pembelajaran dalam kalangan murid sekolah menengah agama di Malaysia.

Strategi Pembelajaran

Hartley (1998) berpendapat bahawa strategi yang berbeza boleh dipilih oleh pelajar apabila berhadapan dengan tugas yang berbeza. Menurutnya, strategi adalah sesuatu tindakan pilihan yang dibuat oleh pelajar. Strategi pembelajaran bahasa merupakan langkah atau teknik yang diambil oleh pelajar untuk membantu dalam memudahkan pemerolehan, penyimpanan dan pemerolehan semula apabila diperlukan. Ia merupakan satu tindakan yang diambil oleh pelajar sama ada secara sedar atau tidak sedar. Ciri tidak sedar itu berlaku apabila pelajar itu secara konsisten dan kerap menggunakan satu-satu strategi di mana ia menggunakannya secara automatik (Nosratinia et. al., 2014). Oxford (2011) menjelaskan bahawa strategi pembelajaran sebagai tindakan, langkah atau teknik tertentu yang digunakan oleh pelajar bagi meningkatkan pembelajarannya sendiri.

Oxford (1990) membahagikan strategi pembelajaran kepada dua kategori utama iaitu (1) strategi langsung dan, (2) strategi tidak langsung yang mana di dalamnya terdapat enam sub-kategori. Di bawah kategori strategi langsung, Oxford membahagikan tiga sub-kategori iaitu (i) strategi ingatan, (ii) strategi kognitif, (iii) strategi tampungan. Manakala strategi tidak langsung pula dibahagikan kepada tiga sub-kategori iaitu (i) strategi metakognitif, (ii) strategi afektif dan (iii) strategi sosial. Melalui ini, Oxford (1990) telah membina satu instrumen yang dikenali sebagai *Strategy Inventory for Language Learning* (SILL) yang mempunyai enam kategori strategi pembelajaran bahasa.

Kategori strategi pembelajaran yang dikelaskan oleh Oxford (1990) meliputi strategi ingatan yang bermaksud strategi yang berkait dengan aktiviti mental, menggunakan imej dan suara, mengulangkaji dan menggunakan tindakan. Strategi kognitif berkait dengan strategi mempraktikkan bahasa dengan bertutur dengan penutur natif, membuat latihan sebutan dan penulisan, mengirim dan menerima

mesej dan mencipta struktur bahasa, menterjemah dan memindahkan bahasa. Strategi kompensasi pula melibatkan strategi meneka dengan bijak makna sesuatu perkataan asing, cuba mengatasi batasan dalam pertuturan dan penulisan dengan cara menggunakan bahasa ibunda, menggunakan bahasa tubuh, mengelak dari bercakap, memilih topik perbualan, mendapatkan bantuan orang lain, mencipta perkataan sendiri dan menggunakan perkataan sama makna.

Strategi metakognitif pula melibatkan strategi dengan memberi kesan kepada proses pembelajaran, merancang dan menyusun proses pembelajaran dan membuat penilaian sendiri. Strategi afektif adalah melibatkan kawalan keresahan, memberi galakan kepada diri sendiri dan mengawal emosi diri. Manakala strategi sosial pula merupakan strategi dengan bertanya soalan untuk mendapatkan penjelasan dan membetulkan kesilapan, bekerjasama dengan orang lain dan mempunyai perasaan empati kepada orang lain.

Gaya pembelajaran dan strategi pembelajaran merupakan dua konsep yang berbeza, namun antara keduanya saling berkaitan. Oxford dan Nyikos (1989) percaya bahawa pelajar yang paling berjaya biasanya cenderung menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai dengan bahan, tugas, tujuan, keperluan dan peringkat pembelajaran mereka. Oxford (2003) berpendapat bahawa gaya dan strategi pembelajaran merupakan antara faktor utama yang membantu menentukan bagaimana dan sejauh mana seseorang pelajar mempelajari dan menguasai bahasa kedua atau bahasa asing. Beliau berpendapat bahawa strategi pembelajaran yang digunakan oleh seseorang pelajar sangat bergantung kepada gaya pembelajarannya.

Strategi pembelajaran bahasa juga dikenali sebagai tindakan dan tingkah laku tertentu yang dilakukan oleh pelajar dengan secara sengaja atau tidak sengaja untuk memudahkan dan meningkatkan pembangunan kemahiran bahasa mereka (Oxford, 1990). Secara amnya, kajian yang dijalankan ke atas penggunaan strategi pembelajaran bahasa (Dreyer & Oxford, 1996; Grenfell & Harris, 1999; Wharton, 2000) menunjukkan fakta bahawa pelajar bahasa samada secara sedar atau tidak sedar, menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa yang dapat membantu mereka meningkatkan pengetahuan dan pemahaman bahasa kedua atau sasaran.

Hasil Pembelajaran

Pembelajaran ditakrifkan sebagai sebarang perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat pengalaman yang diperolehi oleh seseorang atau akibat latihan yang dijalannya. Azizi Ahmad (2010) menyatakan hasil pembelajaran ialah tentang pengetahuan dan kemampuan yang dapat ditunjukkan oleh pelajar selepas sesuatu perkara itu dinilai dan diukur berdasarkan objektif pengajaran yang ditetapkan.

Mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga, hasil merupakan sesuatu yang didapati atau diperolehi daripada usaha dan kegiatan, pendapatan atau perolehan. Oleh yang demikian, hasil pembelajaran merupakan apa yang akan diketahui dan difahami oleh pelajar setelah selesai sesuatu proses pembelajaran samada dari aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan kecekapan.

Dalam konteks kajian ini, Taksonomi Bloom (Bloom, 1956) telah digunapakai bagi mengukur hasil pembelajaran murid kerana ia bersifat komprehensif, boleh dikomunikasikan dan menjadi sumber rujukan dalam membantu seseorang mendapat satu jangkaan mengenai aspek tingkah laku tertentu dalam satu set perancangan pendidikan. Benjamin Samuel Bloom merupakan seorang pakar psikologi dalam bidang pendidikan yang telah membuat sumbangan dalam melakukan penelitian dan pengembangan mengenai kemampuan berfikir dalam proses pembelajaran. Bloom (1956, 1989) telah menetapkan bahawa taksonomi ini merangkumi tiga domain iaitu kognitif, afektif dan psikomotor yang menjadi kayu ukur bagi menilai sesuatu hasil pembelajaran. Taksonomi ini telah disusun semula oleh sekumpulan ahli psikologi pendidikan yang diketuai Benjamin Bloom pada 1956 yang kemudiannya dikenali sebagai Taksonomi Bloom pada 1965 (Ahmad, 2010).

Anderson dan Krathwohl et al. (2001) telah membuat satu pembaharuan dan penambahbaikan kepada konsep taksonomi ini seiring dengan perkembangan serta kemajuan abad yang kedua puluh satu. Mereka telah mengambil langkah dengan mengkaji semula dan mengubah hierarki pembelajaran dalam domain kognitif dengan meletakkan kata kerja mengaplikasi, menganalisis, mensintesis dan menilai dalam kategori hierarki tersebut. Seterusnya, Bloom (1964) telah menetapkan hierarki pembelajaran untuk domain afektif bermula dengan kata kerja menerima dan memberi maklum balas kepada ke tahap yang lebih kompleks iaitu menilai, mengorganisasi dan menghayati nilai. Selanjutnya, pembangunan terhadap hierarki pembelajaran bagi domain psikomotor dilakukan dengan dimulai dengan persepsi dan persiapan kepada adaptasi dan kreativiti.

Pada dasarnya, sistem pendidikan di Malaysia tidak terkecuali dalam mengaspirasikan konsep Taksonomi Bloom (1956) termasuk dalam pembelajaran bahasa Arab. Bermula dari sekolah rendah sehinggalah peringkat universiti, format penilaian peperiksaannya adalah bertunjangkan kepada enam aras kemahiran berfikir Taksonomi Bloom ini. Enam aras tersebut adalah terdiri daripada aras pengetahuan, aras kefahaman, aras aplikasi, aras analisis, aras sintesis dan aras penilaian. Kajian ini akan mengaplikasikan Taksonomi Bloom (1956) sebagai alat mengukur keberhasilan pembelajaran murid kerana taksonomi ini mudah difahami, jelas, mempunyai kaitan yang rapat serta telah diterima pakai sebagai alat mengukur hasil pembelajaran sehingga hari ini (Ahmad, 2010). Hierarki tingkah laku pembelajaran dikategorikan kepada tiga domain pembelajaran yang saling berkaitan antara satu sama lain iaitu kognitif (pengetahuan), afektif (sikap) dan psikomotor (kemahiran).

PERNYATAAN MASALAH

Strategi pembelajaran dan hasil pembelajaran merupakan dua konstruk yang penting dalam pembelajaran bahasa. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di negara ini, kajian-kajian lepas mendapati bahawa masih terdapat kelemahan dalam menguasai bahasa Arab samada di peringkat sekolah mahupun universiti. Walaupun pendidikan bahasa Arab telah lama diperkenalkan di negara ini, namun tahap kemahiran dan penguasaan pelajar di peringkat sekolah mahupun di institut pengajian tinggi masih kurang memuaskan lantaran menjadi perbincangan dan persoalan oleh pelbagai

pihak (Wan Omar et al., 2012; Najuwah & Nurhajariah, 2014). Antara isu pembelajaran bahasa Arab yang telah dikenalpasti antaranya adalah masalah penguasaan bahasa Arab khususnya dalam aspek pembinaan ayat tidak terhad dalam kalangan pelajar sekolah sahaja, malah masalah ini berlanjutan di peringkat institusi pengajian tinggi (Ramli et al., 2018). Selain itu, masalah penguasaan kosa kata dan kemahiran bertutur bahasa Arab juga dapat dilihat melalui kajian yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan kosa kata dan kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Azlin Ariffin dan Muhammad Suhaimi Taat (2020) pula mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Arab dan sikap murid terhadap bahasa Arab adalah pada tahap yang sederhana.

Salah satu faktor yang menyumbang kepada isu ini adalah disebabkan kelemahan pelajar dalam menguasai strategi pembelajaran bahasa Arab yang berkesan. Ini mungkin disebabkan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab yang kurang tepat atau penggunaanya yang kurang afektif dalam kalangan pelajar. Ini secara tidak langsung dapat mempengaruhi hasil pembelajaran bahasa Arab dan pencapaian mereka di sekolah. Kajian yang dibangunkan oleh Linamalini Mat Nafi dan Kamarul Shukri Mat Teh (2020) mendapati bahawa kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah berada pada tahap yang sederhana.

Walaupun terdapat banyak kajian berkaitan strategi pembelajaran bahasa Arab, namun kajian berkaitan strategi pembelajaran bahasa dan hubungannya dengan hasil pembelajaran bahasa Arab masih belum luas dibangunkan di negara ini. Linamalini Mat Nafi dan Kamarul Shukri Mat Teh (2020) menjelaskan bahawa penggunaan strategi pembelajaran dalam kalangan pelajar dapat membantu guru dalam membimbing pelajar menguasai bahasa Arab yang dipelajari dengan berkesan. Pelajar yang dapat mengaplikasikan strategi mahupun sub strategi pembelajaran bahasa Arab juga akan dapat membantu guru merancang aktiviti PdP dengan lebih berkualiti. Ini secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap peningkatan penguasaan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab di sekolah. Green dan Oxford (1995) menjelaskan bahawa antara faktor yang dapat mempengaruhi pencapaian atau hasil pembelajaran pelajar adalah kesedaran mereka tentang penggunaan strategi pembelajaran. Oleh yang demikian, kajian mengenai strategi pembelajaran dan hubungannya dengan hasil pembelajaran bahasa Arab wajar dilaksanakan bagi mengenal pasti hubungan antara kedua-dua konstruk ini. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada kewujudan inventori tersebut bagi memudahkan pengkaji pada masa depan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif yang telah digariskan di dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

- 1) Menenal pasti tahap strategi pembelajaran dalam kalangan murid sekolah menengah agama di Malaysia.

- 2) Mengetahui hasil pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah menengah agama di Malaysia.
- 3) Mengetahui hubungan antara strategi pembelajaran dan hasil pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah menengah agama di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif yang menggunakan rekabentuk tinjauan dan menggunakan kaedah analisis data secara kuantitatif. Kaedah tinjauan ini dipilih kerana dapat memerihalkan strategi pembelajaran dan hubungannya dengan hasil pembelajaran murid. Responden kajian adalah terdiri daripada 500 orang murid tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah agama di Malaysia. Mereka adalah terdiri daripada para pelajar bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah agama di seluruh Malaysia. Sekolah agama yang dipilih adalah sekolah agama yang berada di bawah kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu SMKA dan SABK. Kaedah pensampelan dalam kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata kerana berasaskan lima zon yang ada di Malaysia. Zon Utara mewakili Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Zon Timur mewakili Pahang, Terengganu dan Kelantan. Zon Tengah pula mewakili Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Zon Selatan mewakili Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Manakala Zon Borneo pula mewakili Sarawak dan Sabah.

Dalam konteks kajian ini, satu set soal selidik telah dibina oleh pengkaji secara adaptasi dan modifikasi daripada item-item soal selidik kajian yang lepas bagi mengukur kebimbangan bahasa Arab secara terperinci dan menyeluruh berdasarkan konstruk-construct kajian yang meliputi strategi pembelajaran bahasa dan hasil pembelajaran bahasa Arab. Pengubahsuaian telah dilakukan ke atas item terpilih berdasarkan pandangan pakar dan dapatan kajian rintis. Semakan pakar adalah perlu untuk memastikan ketepatan konstruk serta kejelasan kandungan (Kline, 2005). Instrumen kajian yadibina telah diberikan kepada pakar yang mempunyai kemahiran dalam bidang yang berkaitan untuk disemak bagi memastikan isi kandungannya bersesuaian dan menepati matlamat kajian. Kesemua item yang diadaptasi ini telah diuji semula kesahan dan kebolehpercayaannya melalui penilaian *Cronbach Alpha* dan Analisis Faktor Penerokaan atau *Exploratory Factor Analysis* (EFA). Soal selidik dalam kajian ini adalah berdasarkan skala Likert lima mata. Semua data yang diperolehi dari soal selidik telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* Versi 26. Kaedah analisis data dalam kajian ini adalah menggunakan statistik deskriptif untuk menilai min, sisihan piawai dan kekerapan bagi konstruk yang dikaji serta menggunakan kolerasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara strategi pembelajaran dan hasil pembelajaran bahasa Arab.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 memperincikan frekuensi dan peratusan demografi sampel kajian berdasarkan jantina, bangsa dan tingkatan pelajar.

Jadual 1 : Frekuensi dan peratusan demografi sampel kajian

Ciri-Ciri	Frekuensi	Peratusan
Jantina		
Lelaki	145	29.0%
Perempuan	355	71.0%
Bangsa		
Melayu	485	97.0%
Lain-lain	15	3.0%
Tingkatan		
Tingkatan 4	500	100.0%

Dapatan deskriptif bagi analisis demografi yang diperolehi melalui Jadual 1 menunjukkan bilangan pelajar perempuan yang menjadi sampel kajian mengatasi bilangan sampel pelajar lelaki iaitu seramai 355 orang (71.0%), sementara sampel pelajar lelaki adalah seramai 145 orang (29.0%). Dalam kajian ini, sampel pelajar berbangsa Melayu adalah sebanyak 485 orang pelajar (97%) dan bangsa lain-lain adalah seramai 15 orang (3%) dan kesemua sampel adalah pelajar tingkatan empat iaitu seramai 500 orang pelajar (100%).

Jadual 2 : Analisis Deskriptif bagi Strategi Pembelajaran

Konstruk	Sub-konstruk	Min	SP	Interpretasi
Strategi pembelajaran	Mengingat	3.56	0.52	Sederhana Tinggi
	Kognitif	3.46	0.51	Sederhana Tinggi
	Kompensasi	3.82	0.50	Sederhana Tinggi
	Metakognitif	3.62	0.54	Sederhana Tinggi
	Afektif	3.66	0.54	Sederhana Tinggi
	Sosial	3.74	0.56	Sederhana Tinggi
	Keseluruhan	3.64	0.39	Sederhana Tinggi

Jadual 2 menunjukkan nilai min, sisihan piawai dan interpretasi bagi sub-konstruk strategi pembelajaran. Min yang paling tertinggi bagi sub-konstruk strategi pembelajaran adalah kompensasi iaitu 3.82 (SP = 0.50) dan yang berada pada tahap sederhana tinggi, sementara min yang paling rendah adalah kognitif iaitu 3.46 (SP = 0.51) yang juga berada pada tahap sederhana tingi. Seterusnya, nilai min bagi mengingat adalah 3.56 (SP = 0.52) yang berada pada tahap sederhana tinggi, nilai min bagi metakognitif adalah 3.62 (SP = 0.54) yang berada pada tahap sederhana tinggi, nilai min bagi afektif adalah 3.66 (SP = 0.54) yang berada pada tahap sederhana tinggi, dan nilai min bagi sosial adalah 3.74 (SP = 0.56) yang berada pada tahap sederhana

tinggi. Seterusnya, nilai min bagi strategi pembelajaran keseluruhan adalah 3.64 (SP = 0.39) yang berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 3 : Analisis Deskriptif bagi Hasil Pembelajaran

Konstruk	Sub-konstruk	Min	SP	Interpretasi
Hasil pembelajaran	Kognitif	3.55	0.54	Sederhana Tinggi
	Afektif	3.87	0.59	Sederhana Tinggi
	Psikomotor	3.15	0.70	Sederhana Tinggi
	Keseluruhan	3.52	0.50	Sederhana Tinggi

Jadual 3 pula menunjukkan nilai min, sisihan piawai dan interpretasi bagi sub-konstruk hasil pembelajaran. Min yang paling tertinggi bagi sub-konstruk hasil pembelajaran adalah afektif iaitu 3.87 (SP = 0.59) yang berada pada tahap sederhana tinggi, sementara min yang paling rendah adalah psikomotor iaitu 3.15 (SP = 0.70) yang berada pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya, nilai min bagi kognitif adalah 3.55 (SP = 0.54) yang berada pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya, nilai min bagi hasil pembelajaran secara keseluruhannya adalah 3.52 (SP = 0.50) yang berada pada tahap sederhana tinggi. Strategi pembelajaran dan hasil pembelajaran bahasa Arab merupakan dua konstruk asas yang penting dalam kajian ini untuk dikenal pasti hubungan antara kedua-duanya. Kajian ini telah menunjukkan wujud hubungan, bentuk hubungan dan darjah kekuatan hubungan antara strategi pembelajaran bahasa dan hasil pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah menengah agama di Malaysia. Untuk menjawab persoalan ini, interpretasi terhadap nilai r yang diberikan oleh Guilford (1956) dan Alias Baba (1999) telah dirujuk. Analisis dapatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut adalah seperti jadual 4.

Jadual 4 : Pekali Korelasi Antara Strategi Pembelajaran dan Hasil Pembelajaran Bahasa Arab

Strategi Pembelajaran	r	p
Hasil Pembelajaran Bahasa Arab	.668**	0.00

Nota **. Signifikan pada aras keyakinan $p < 0.01$

Jadual 4 di atas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran dan hasil pembelajaran bahasa Arab pelajar ($r = .668$, $p < .01$) pada aras signifikan 0.01 dan menunjukkan hubungan kekuatan yang kukuh. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran dapat mempengaruhi dan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap hasil pembelajaran bahasa Arab murid. Oleh yang demikian, bagi memastikan penguasaan sesuatu pembelajaran bahasa khususnya bahasa Arab dapat dicapai, maka para pelajar perlu bijak mengatur dan memilih strategi pembelajaran bahasa Arab yang sesuai dengan tahap dan potensi mereka. Guru juga perlu berperanan dalam membantu pelajar menyusun strategi pembelajaran bahasa Arab dan sentiasa memberikan motivasi yang berterusan kepada mereka. Ini termasuklah memantapkan strategi pengajaran, mempelbagaikan aktiviti di dalam kelas,

membangunkan bahan pengajaran dan membudayakan persekitaran bahasa Arab di sekolah.

PERBINCANGAN

Strategi pembelajaran merupakan faktor utama yang penting dalam menentukan sejauh manakah seseorang pelajar dapat mempelajari dan menguasai sesuatu yang dipelajari samada bahasa kedua atau bahasa asing (Oxford, 2003). Ini adalah disebabkan strategi pembelajaran yang digunakan oleh seseorang pelajar sangat bergantung kepada strategi atau pembelajaran yang diaplikasikan olehnya. Strategi pembelajaran bahasa dikenali sebagai tindakan dan tingkah laku tertentu yang dilakukan oleh pelajar dengan secara sengaja atau tidak sengaja untuk memudahkan dan meningkatkan pembangunan kemahiran bahasa mereka (Oxford, 1990). Strategi pembelajaran melibatkan pemikiran dan tingkah laku yang sedar yang digunakan oleh pelajar untuk melancarkan tugas pembelajaran bahasa dan menjadikan proses pembelajaran bahasa itu lebih berkesan (Cohen et al., 1996). Didapati pelajar yang menggunakan strategi pembelajaran bahasa akan menunjukkan hasil pembelajaran atau prestasi yang meningkat dalam pembelajaran mereka berbanding dengan pelajar yang tidak mengamalkan strategi pembelajaran. Ini disebabkan strategi pembelajaran bahasa mempunyai peranan yang besar dalam memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pengambilan atau penggunaan maklumat, mendapatkan tahap autonomi yang lebih tinggi, dan peningkatan keyakinan diri (Oxford, 2003).

Dapatan kajian yang lepas menunjukkan bahawa strategi pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan terhadap hasil pembelajaran dan penguasaan murid terhadap pembelajaran bahasa khususnya bahasa Arab. Kajian Rosni Samah (2015) mendapati bahawa strategi pembelajaran seperti pengumpulan, pengukuhan dan penggunaan kosa kata bahasa Arab yang digunakan oleh para pelajar telah dapat membantu dalam pemerolehan bahasa Arab mereka. Oleh itu, beliau mencadangkan agar strategi pembelajaran ini dapat digunakan oleh pelajar bagi mempertingkatkan penguasaan bahasa Arab.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian yang dibangunkan oleh Green dan Oxford (1995) dan Griffiths (2003) yang bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa dan pencapaian bahasa pelajar. Mereka mendapati bahawa penggunaan strategi pembelajaran mempunyai kaitan dengan kecemerlangan hasil pembelajaran bahasa mereka. Kajian oleh Chamot (1993) dan Dreyer dan Oxford (1996) juga menunjukkan pelajar yang mengaplikasikan strategi pembelajaran yang sesuai dan pelbagai akan mendapat hasil pembelajaran yang cemerlang. Dapatan kajian Kamarul Shukri Mat Teh (2010) juga menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa oleh pelajar sekolah menengah agama berdasarkan tahap penguasaan bahasa Arab mereka.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Hasna Qonita Khansa (2016) juga menunjukkan bahawa aplikasi strategi pembelajaran bahasa Arab yang pelbagai dalam kalangan pelajar dapat membantu mereka meningkatkan penguasaan bahasa

Arab dengan lebih mudah dan efisien. Antara strategi pembelajaran bahasa Arab yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada kemahiran berbahasa Arab iaitu meliputi strategi pembelajaran *mufradat*, strategi pembelajaran *tarkib*, strategi pembelajaran *istima'*, strategi pembelajaran *kalam*, strategi pembelajaran *qira'ah*, dan strategi pembelajaran *kitabah*. Norsa'adah Jamaluddin et al. (2021) turut menjelaskan bahawa strategi pembelajaran dianggap sebagai faktor utama yang menyumbang ke arah hasil pembelajaran pelajar kerana strategi pembelajaran yang berkesan akan membantu kecemerlangan pelajar. Ini terbukti dengan kajian lepas yang dijalankan di dalam dan luar negara berkaitan strategi pembelajaran dan pencapaian akademik di sekolah dan di peringkat pengajian tinggi. Pelbagai penyelidikan telah dijalankan pada masa lalu (Sanip & Che Ahmad, 2014) kerana pelajar yang mengaplikasikan strategi pembelajaran dilihat mempunyai potensi yang tinggi dalam menyumbang ke arah kejayaan dalam hasil pembelajaran. Dumford et al. (2016) turut menjelaskan bahawa pelajar yang mencapai tahap hasil pembelajaran samada tinggi atau rendah adalah disebabkan perbezaan mengaplikasikan strategi pembelajaran yang mempengaruhi hasil pembelajaran mereka. Ini disokong dengan kenyataan Schmeck (1988) yang menyatakan bahawa strategi pembelajaran adalah sebagai sebahagian daripada proses untuk memastikan objektif pembelajaran dapat dicapai.

KESIMPULAN

Dalam usaha memartabatkan pendidikan abad ke-21, aspek pengajaran dan pembelajaran perlu diberi penekanan utama khususnya dalam pendidikan bahasa Arab. Kajian ini memberi implikasi kepada amalan pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi para pelajar dan guru-guru bahasa Arab. Para pelajar perlu bijak dalam memilih strategi pembelajaran bahasa Arab yang sesuai dengan tahap dan pencapaian mereka. Strategi pembelajaran juga merupakan satu elemen yang harus diberi perhatian oleh para guru di sekolah kerana ia memberi kesan terhadap hasil pembelajaran dan pencapaian pelajar khususnya dalam menguasai kemahiran bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Guru berperanan dalam membimbing pelajar bagi mengaplikasikan strategi pembelajaran bahasa Arab yang sesuai kerana kelemahan dalam menggunakan strategi pembelajaran tersebut serta kekurangan pengetahuan tentangnya akan menyebabkan pelajar terhalang untuk menguasai bahasa Arab dengan berkesan.

CONFLICTS OF INTEREST: The authors declare that they have no conflicts of interest.

ETHICS STATEMENT: This study was conducted in accordance with ethical principles and academic integrity. All procedures were carried out responsibly, with informed consent obtained from participants and strict confidentiality maintained.

RUJUKAN

- Abdul Ghani, K. (2005). *Program pendidikan Arab: Pengalaman Fakulti Pendidikan UKM* (Cetakan pertama).
- Ahmad, A. (2010). *Pentaksiran pembelajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (Eds.). (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. Allyn & Bacon.
- Ariffin @ Riffin, A., & Taat, M. S. (2020). Penguasaan bahasa Arab: Hubungannya dengan sikap murid dan pengajaran guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5, 13–23.
- Baba, A. (1999). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bloom, B. (Ed.). (1956). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals – Handbook I: Cognitive domain*. McKay.
- Bloom, B. S. (1964). *Stability and change in human characteristics*. John Wiley & Sons.
- Chamot, A. U. (1993). Student responses to learning strategy instruction in the foreign language classroom. *Foreign Language Annals*, 26, 13–24.
- Cohen, S., Ledford, G., & Spreitzer, G. (1996). A predictive model of self-managing work team effectiveness. *Human Relations*, 49, 643–676. <https://doi.org/10.1177/001872679604900604>
- Dreyer, C., & Oxford, R. (1996). Learning strategies and other predictors of ESL proficiency among Afrikaans-speakers in South Africa. In R. Oxford (Ed.), *Language learning strategies around the world: Cross-cultural perspectives* (pp. 61–74). University of Hawaii Press.
- Dumford, A. D., Cogswell, C. A., & Miller, A. L. (2016). The who, what, and where of learning strategies. *The Journal of Effective Teaching*, 16(1), 72–88.
- Green, J. M., & Oxford, R. (1995). A closer look at learning strategies, L2 proficiency, and gender. *TESOL Quarterly*, 29(2), 261–297. <https://doi.org/10.2307/3587805>
- Grenfell, M., & Harris, V. (1999). *Modern languages and learning strategies: In theory and practice*. Routledge.
- Griffiths, C. (2003). Patterns of language learning strategy use. *System*, 31(3), 367–383. [https://doi.org/10.1016/S0346-251X\(03\)00048-4](https://doi.org/10.1016/S0346-251X(03)00048-4)
- Guilford, J. R. (1956). *Fundamental statistics in psychology and education*. McGraw-Hill.
- Hartley, J. (1998). *Learning and studying: A research perspective*. Routledge.
- Jamaluddin, N., Kadir, S. A., Alias, S. N., & Abdullah, A. (2021). A review of learning strategies towards learning outcomes. *International Journal of Social Science and Human Research*, 4(12), 3647–3651.
- Khansa, H. Q. (2016). Strategi pembelajaran bahasa Arab. *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab II*, 53–62.
- Kline, R. B. (2005). *Principles and practice of structural equation modeling*. Guilford Press.
- Mat Nafi, L., & Mat Teh, K. S. (2020). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab berdasarkan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan mahasiswa di Kelantan. *Jurnal KIAS*, 13(1), 67–89.

- Mat Teh, K. S. (2010). *Strategi pembelajaran bahasa*. Universiti Malaya.
- Najuwah, H., & Nurhajariah, S. (2014). Aplikasi teknik pembelajaran pantas dalam pengajaran. *GSE E-Journal of Education*, 2(2).
- Nik Yusoff, N. M. R. (1999). Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi: Satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad-21. *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Negara*, 226–236.
- Nosratinia, M., Saviey, M., & Zaker, A. (2014). EFL learners' self-efficacy, metacognitive awareness, and use of language learning strategies: How are they associated? *Theory and Practice in Language Studies*, 4(5), 1080–1092. <https://doi.org/10.4304/tpls.4.5.1080-1092>
- Oxford, R. L. (1989). Variables affecting choice of language learning strategies by university students. *The Modern Language Journal*, 73, 291–300. <https://doi.org/10.2307/327837>
- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. Heinle & Heinle.
- Oxford, R. L. (2003). Language learning styles and strategies: An overview. *Learning Styles & Strategies/GALA*, 1–25.
- Oxford, R. L. (2011). Strategies for learning a second or foreign language. *Language Teaching*, 44(2), 167–180. <https://doi.org/10.1017/S0261444810000401>
- Ramli, S., Mohd Zakaria, Z., Atoh, N., & Ariffin, M. S. (2018). Aplikasi formula pola ayat dalam penulisan teks pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(1), 175–184.
- Ramsden, P. (2003). *Learning to teach in higher education* (2nd ed.). Routledge.
- Rubin, J. (1987). Learner strategies: Theoretical assumptions, research history, and typology. In A. Wenden & J. Rubin (Eds.), *Learner strategies in language learning* (pp. 15–30). Prentice Hall.
- Samah, R. (2015). *Strategi pembelajaran bahasa Arab pelajar cemerlang*. Academia.edu. https://www.academia.edu/29826052/Strategi_Pembelajaran_Bahasa_Arab_Pelajar_Cemerlang
- Sanip, F. A., & Che Ahmad, C. N. (2014). Kesedaran strategi metakognitif dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar biologi. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 15.
- Schmeck, R. R. (1988). Strategies and styles of learning: An integration of varied perspectives. In R. R. Schmeck (Ed.), *Learning strategies and learning styles* (pp. 317–347). Plenum Press.
- Wan Omar, W. A. H., Mat Saad, K. N., & Paharal Radzi, M. (2012). Masalah pengajaran kosa kata Arab dan beberapa cadangan penyelesaian. In *Dinamika pendidikan bahasa Arab: Menelusuri inovasi profesionalisme keguruan* (pp. 78–84). Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Wang, A. I. (2015). The wear out effect of a game-based student response system. *Computers & Education*, 82, 217–227. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2014.09.014>
- Wharton, G. (2000). Language learning strategy use of bilingual foreign language learners in Singapore. *Language Learning*, 50, 203–243. <https://doi.org/10.1111/0023-8333.00124>